

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**

**KAWASAN : KOTA SAMARAHAN**

**SOALAN:**

**YB. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG (KOTA SAMARAHAN) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan :-**

- (a) apakah Kerajaan merancang untuk membina jalan raya bertingkat di bulatan G3 bagi jajaran jalan persekutuan di Kota Samarahan. Adakah Kerajaan juga dalam perancangan membina jalan alternatif yang menghubungkan jambatan Batang Samarahan menuju ke Sadong Jaya melalui Asajaya; dan
  
- (b) apakah status penyelenggaraan simpang-simpang jalan dan penggantian 'culvert' di jalan persekutuan di Kota Samarahan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya mempunyai perancangan untuk membina dan menaik taraf jalan persekutuan di Kota Samarahan, Sarawak.

Ini termasuklah membina jambatan dan jalan yang menghubungkan Kota Samarahan – Asajaya dan menaik taraf Bulatan G3 berhampiran UITM Kota Samarahan kepada persimpangan bertonjat pada masa hadapan. Pada masa kini projek pembinaan jambatan Sungai Samarahan baru sahaja memulakan kerja-kerja pembinaan dan ia dijangka akan disiapkan dalam tempoh 36 bulan, iaitu pada tahun 2018. Apabila siap kelak tempoh masa perjalanan antara Kota Samarahan ke Asajaya akan dapat dijimatkan kepada 30 minit sahaja.

Manakala untuk cadangan membina jalan baru menghubungkan Kota Samarahan – Asajaya (melalui Sadong Jaya) dan menaik taraf Bulatan G3, ia memerlukan kajian kemungkinan dilaksanakan terlebih dahulu. Sehubungan itu, kementerian ini telah mengemukakan permohonan kepada Agensi Pusat untuk menjalankan kajian kemungkinan projek berkenaan dalam RMKe-11 (2016 – 2020). Skop kajian tersebut merangkumi kajian trafik, guna tanah, impak sosial, sosioekonomi, impak alam sekitar dan reka bentuk kejuruteraan awalan. Kajian tersebut akan dilaksanakan sebaik sahaja kementerian ini menerima kelulusan dari Agensi Pusat, iaitu dijangka pada bulan Jun 2015 ini.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Kota Samarahan, Sarawak (Zon 1) dilaksanakan oleh syarikat konsesi PPES Works Sdn. Bhd.. Skop penyelenggaraan tersebut termasuklah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, seperti menampal ‘potholes’ jalan, meratakan bahu jalan, memotong rumput dan mencuci perabot jalan, longkang serta pembetung ('culverts'). Pada masa kini terdapat 36 unit pembetung di Kota Samarahan, di mana daripada jumlah tersebut 9 unit pembetung yang usang telah digantikan baru dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM2.45 juta.

Di samping itu, kementerian ini akan melaksanakan penilaian audit keselamatan jalan di Kota Samarahan dalam tempoh masa terdekat ini bagi tujuan menambah baik tahap keselesaan dan keselamatan jalan sedia ada.

Sekian, terima kasih.